

**UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
SEWAKTU MERASMIKAN PERSIDANGAN
PELAJAR-PELAJAR ISLAM TENGGARA ASIA YANG
DIANJURKAN OLEH PERSATUAN KEBANGSAAN
PELAJAR-PELAJAR ISLAM DI MALAYSIA
DI ASRAMA PERTAMA, UNIVERSITI MALAYA
PADA 11 NOVEMBER 1967**

Yang di-Pertua

Ketua-ketua Perwakilan, Pemerhati-pemerhati

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

Saya amat sukacita kerana dapat peluang beramah tamah dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian pada hari ini dan kerana penghormatan yang tuan-tuan dan puan-puan beri kepada saya untuk merasmikan Persidangan Pelajar-pelajar Islam Tenggara Asia ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas jemputan dan penghormatan ini.

Kepada saudara-saudara kita yang datang dari negara-negara sahabat, baik sebagai wakil atau pemerhati, saya ucapkan selamat datang ke Malaysia dan saya berharap selama saudara-saudara berada di Malaysia ini, buatlah seperti berada di rumah sendiri. Selain daripada menghadiri Persidangan ini, saya berharap dan menyeru supaya semua tetamu kita dari luar negeri dapat juga melawat di sekitar ibu kota, pergi ke luar-luar bandar dan melihat, meninjau dan menilai kemajuan dan pembangunan yang Malaysia telah capai semenjak kemerdekaannya sepuluh tahun dahulu. Silalah lihat dengan sendiri kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh negara ini melalui '*Silent Revolutionnya*' atau Revolusi Secara Senyap', baik di bandar atau pun di luar-luar bandar.

Pelajar-pelajar Malaysia - yakni tuan-tuan dan puan-puan yang menjadi 'tuan rumah' kepada saudara-saudara kita ini, saya harap, dapat membuat rancangan-rancangan bagi membolehkan saudara-saudara kita melihat Negara kita bukan sahaja, Kuala Lumpur, tetapi juga negeri-negeri seperti Melaka, Terengganu dan Kedah ataupun Kelantan, supaya mereka melihat kemajuan dan pembangunan atau kurang pembangunannya di tempat-tempat ini dengan perspektif yang betul.

Semua rancangan-rancangan pembangunan yang diadakan oleh Kerajaan bertujuan bagi memberi kesejahteraan hidup kepada semua rakyat terutama sekali kepada mereka yang ketinggalan, di Malaysia kebetulan pula, golongan ini sebahagian besar adalah orang-orang Islam. Kerajaan sedang giat melaksanakan rancangan-rancangannya, sekarang ini di peringkat yang ketiga-tiga - iaitu pembangunan melalui gotong royong - kerjasama antara Kerajaan dengan rakyat - untuk menimbulkan semangat atau jiwa merdeka. Penyertaan rakyat dalam sebarang kerja dan rancangan Kerajaan adalah sangat penting kerana di sinilah

terletaknya kunci kejayaan rancangan-rancangan kerajaan itu. Sungguhpun kejayaan dalam lapangan pembangunan sangat memuaskan, Kerajaan belum puas hati dengan bahagian-bahagian yang dijalankan oleh rakyat sendiri dalam lapangan pembangunan. Kerajaan mahu kesedaran, keyakinan dan penyertaan rakyat yang lebih hebat dan berkesan lagi kerana matlamat semua rancangan-rancangan ini adalah semata-mata bagi faedah rakyat dan kerana itu seharusnya pula rakyat memainkan peranan yang lebih penting dalam pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan.

Persidangan Pelajar-Pelajar Islam yang berlangsung ini boleh menolong kerajaan menggerakkan orang-orang Islam di Malaysia supaya berlumba-lumba merebutkan peluang-peluang, kemajuan dan tamadun dalam dunia. Ada lagi sebahagian orang-orang Islam di negara kita ini yang masih, mungkin kerana salah mengerti maksud Agamanya dan harus juga kerana '*ignorance*' yang belum dapat menyesuaikan diri dengan keadaan zaman teknologi ini. Mereka membuat persediaan dan melengkapkan diri seolah-olah mereka itu hidup dalam masa yang silam, masa yang '*idyllic*'. Sebesar-besar jasa dan khidmat kepada negara dan orang-orang Islam yang boleh diberi oleh Pelajar-pelajar Islam ialah untuk membangkit dan menyedarkan orang Islam di Malaysia bahawa mereka sekarang hidup dalam tahun 1967 dan kalau kita mahu hidup sejahtera dan bahagia seperti orang-orang lain dan supaya bangsa dan agama kita mendapat tempat yang sempurna, maka hendaklah kita bersedia dan sanggup menghadapi dengan tuntutan-tuntutan masa teknologi ini. Adalah menjadi tugas tuan-tuan dan puan-puan yang berpeluang mendapat pelajaran tinggi untuk memperjuang supaya ada perubahan mental atau fikiran di kalangan orang-orang Melayu di negeri ini. Ada setengah-setengah orang kita telah pun berubah fikirannya, tetapi perubahan '*attitude*' sahaja tidak mencukupi jika tidak ada tindakan-tindakan bagi mengisikan perubahan itu.

Seseorang itu atau satu bangsa itu tidak akan maju, makmur, atau menjadi satu bangsa yang gagah dan kuat, kalau ia segan bekerja kuat. Ia mesti tekun dan mengakui dan sedar tentang kelemahan-kelemahannya dan setelah menukarkan corak hidup dan cara pemikirannya. Satu bangsa itu tidak boleh menjadi kuat dan dihormati oleh bangsa-bangsa lain kalau bangsa itu hanya pandai meminta, menuntut dan sentiasa berharap pertolongan dari orang-orang lain, baik dari kerajaan atau pihak-pihak yang lain, sebelum bangsa itu sendiri berikhtiar terlebih dahulu. Tidak ada jalan yang senang untuk mencapai kejayaan melainkan kita bersungguh-sungguh berusaha dan mencurahkan tenaga kita untuk mendapat kejayaan dan perubahan.

Satu dari tujuan-tujuan Persidangan ini - yang semuanya adalah baik - yang sungguh-sungguh menarik hati saya ialah yang Persidangan hari ini hendak memupuk dan mengekalkan persefahaman dan baik sangka antara pelbagai agama dan bangsa sebagai kunci perdamaian dan persahabatan dunia. Saya suka hendak '*particularisekan*' subjek yang penting ini kepada Malaysia sahaja pada hari ini walaupun usaha-usaha mestilah diteruskan untuk mencari dan muga-muga mencapainya keamanan di dunia. Malaysia sentiasa menyokong dan bekerja untuk perdamaian dunia di badan-badan dan forum-forum yang Malaysia menjadi anggotanya.

Perhubungan dan persahabatan kita dengan hampir-hampir semua negara-negara jiran rapat, penuh muhibbah dan kerjasama antara satu sama lain sangat baik. Melalui Pertubuhan A S E A N atau Persatuan Negara-negara Asia Tenggara, Malaysia berharap kerjasama daerah akan betul-betul berkesan dan berguna untuk kebaikan bersama. Kita berharap negara-negara jiran yang lain seperti Burma, Kemboja, Laos dan lain-lain lagi akan dapat menyertai ASEAN pada suatu hari kelak, supaya semua negara-negara di Wilayah Tenggara Asia ini dapat bersama-sama menghadapi satu zaman pembangunan dan kemajuan dan satu zaman yang cerah dan gemilang dalam kawasan dunia yang sedang bergolak dan membangun menuju kepada kemajuan, *'modernity* dan tamadun.

Persahabatan dan perhubungan Malaysia dengan negara-negara Islam di merata dunia sangat rapat dan penuh mesra. Perhubungan Malaysia dengan negara-negara Arab sama ada Morrocco atau U.A.R dan Algeria sangat baik dan kian bertambah mesra. Malaysia berharap bunga-bunga api perang di Timur Tengah dapat dipadamkan dan perdamaian akan tercapai dengan status quo dapat dikembalikan semula. Malaysia menyokong usaha-usaha Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk mencari perdamaian di Timur Tengah.

Di Asia, perhubungan Malaysia dengan Indonesia sangat ikrab seperti jugalah tali persahabatan kita dengan negara-negara Islam yang lain seperti Pakistan, Iran, Turki dan negara-negara Islam di Afrika juga sangat baik dan memuaskan dan saya yakin tali persahabatan ini akan menjadi kukuh lagi pada masa-masa hadapan. Saya suka melihat kunjung-mengunjungi antara orang-orang Islam dan pemimpin-pemimpinnya berlaku dengan lebih kerap lagi dan mudah-mudahan melalui ini siratul rahim antara orang-orang Islam akan bertambah mesra dan dari itu akan lahir persefahaman dan kerjasama yang lebih kuat bagi kepentingan dan keuntungan bersama.

Berhampiran kita, peperangan Vietnam masih berjalan lagi. Sungguhpun usaha-usaha sedang dijalankan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan orang-orang perseorangan mencari jalan untuk perdamaian tetapi kejayaan belumlah tercapai dan masih belum ada tanda-tanda peperangan ini akan tamat pada masa yang berdekatan atau singkat. Bagi kita di Malaysia, kita akan terus menjalankan segala pembangunan yang kita mampu untuk memberi kesejahteraan hidup kepada rakyat Malaysia dan dalam itu juga berusaha dan memberi apa-apa sumbangan yang kita mampu dan yang tidak berlawanan dengan kepentingan politik dan keselamatan negara ini untuk sama-sama menolong mencari perdamaian dunia dan menamatkan peperangan di merata-rata muka bumi termasuklah peperangan di Vietnam.

Tidak seperti setengah-setengah negara lain, Malaysia sedar yang ia kecil dan kemampuannya di medan internasional terhad dan kerana itu maka peranan dan sumbangan kita di medan ini bersempadan kepada kekuatan *'resources'* yang kita ada pada hari ini. Namun begitu dasar kita ialah hendak berbaik dengan semua negara-negara yang hendak bersahabat dengan kita dan tidak berapa lama lagi perhubungan diplomatik, di peringkat kedutaan, akan diadakan di antara Soviet Union dengan Malaysia. Negara kita akan dari satu masa ke satu masa membuat perhubungan-perhubungan dengan negara-negara yang ingin berkawan dan bekerjasama dengan kita bagi faedah bersama dan persahabtan dunia.

Malaysia adalah sebuah negara yang merdeka dan berdaulat dan bebas mencari atau menolak kawan semata-mata berdasarkan kepada faedah dan keselamatan negara kita.

Negara ini, Malaysia, adalah sebuah negara yang unik, yang pelik. Kisah dan sejarahnya sangat menarik dan kerana kisahnya adalah satu kisah kejayaan maka ia tidaklah mendapat perhatian dunia yang sewajarnya seperti setengah-setengah negara yang sedang dalam peperangan atau kucar kacir. Kerana keadaan ini, kadang-kadang rakyat Malaysia sendiri pun tidak sedar tentang kebaikan negaranya sendiri disebabkan Malaysia teguh atau stabil. Keadaan baik ini wujud kerana peperangan dengan komunis selama 12 tahun itu dimenangi kita. Konfrontasi dengan Indonesia di bawah PKI-Sukarno pun dapat kita selesaikan.

Kita di Malaysia ini sangat bersyukur kepada Tuhan kerana negara kita telah diselamatkan dari bahaya komunis, telah selamat sampai hari ini dari pergaduhan-pergaduhan antara kaum dan bahawa dan telah selamat pula kerana perpisahan dengan Singapura.

Malaysia di bawah Kerajaan Perikatan telah berjaya bukan sahaja sekadar mengekal tetapi memperkukuhkan lagi perdamaian antara kaum dan menggalakkan 'keperibadian Malaysian' dalam sebuah negara dan masyarakat yang berbilang bangsa dan agama dan semua ini hanya berlaku dalam satu dekad sahaja.

Meskipun semenjak kemerdekaan kita, Malaya dan sekarang Malaysia, adalah merupakan satu kisah kemajuan dan pembangunan, satu kisah sebuah negara yang stabil ekonomi dan politiknya tetapi sungguhpun begitu Malaysia mempunyai kesulitan-kesulitannya juga. Ekonominya bergantung kuat kepada getah dan bijih timah, kedua-dua ini membekalkan lebih daripada 40% dari bekalan getah dan bijih timah yang dikehendaki oleh dunia. Harga getah pada hari ini tidak begitu tinggi, dan sedang mengancamkan kehidupan orang-orang Malaysia dan ekonomi negara. Kerajaan sedang berusaha dengan sedaya upaya untuk meneguhkan kembali harga getah ini supaya ekonomi Malaysia dan penduduk-penduduknya tidak terancam hingga menyebabkan kerosakan keteguhan politik dan perasaan baik sangka kaum dalam negeri ini. Yang menyebabkan ialah harga getah telah jatuh paling murah di pasaran dunia semenjak 20 tahun sementara pengeluaran getah Malaysia bertambah baik mutunya. Inilah '*irony*' yang kita hadapi sekarang, bertambah baik pengeluaran getah kita, bertambah turun harga yang diperolehi dari penjualan kita!. Kerajaan sedang berusaha 'mempelbagaikan ekonomi' atau '*diversification of economy*' untuk mengurangkan pergantungan kita kepada pasaran getah dan bijih timah semata-mata. Kita sedang menggalakkan tanaman-tanaman baru seperti kelapa sawit untuk diekspotkan dan sedang berusaha untuk menambahkan pengeluaran beras bagi mengurangkan banyaknya beras yang kita mesti beli dari luar. Dalam rancangan sekarang pada tahun 1970-1, Malaysia akan mengeluarkan cukup beras untuk kegunaannya sendiri. Kita sedang menggalakkan pembangunan perusahaan dan pengilangan dan penanaman modal dari luar. Sebuah kilang besi waja yang pertama telahpun dibukakan baru-baru ini dan banyak lagi kilang-kilang yang besar akan dibuka untuk memberi pekerjaan-pekerjaan kepada anak-anak Malaysia dan menolong meneguhkan ekonomi negara. Kita telah membuat

berbagai-bagai usaha untuk menarik penanaman modal dari luar negeri dengan tidak pula merosakkan kemerdekaan dan kedaulatan kita. Kita telah melonggarkan undang-undang penanaman modal yang dulunya memberi keutamaan kepada negara-negara Komanwel untuk menggalakkan penanaman modal dari negara-negara bukan Komanwel seperti France, Germany, Amerika Syarikat, Jepun, Soviet Union, Belanda dan Belgium dan lain-lain negara yang mampu untuk menanam modal di Malaysia ini.

Kemerosotan harga getah, saya harap dapat difahami oleh kawan-kawan Malaysia, bukan hanya mengancam ekonomi Malaysia sahaja tetapi ia juga mengancam keteguhan politiknya. Begitu juga ia menjadi masalah negara-negara lain seperti Indonesia, Ceylon dan lain-lain lagi. Jika harga getah makin turun ladang-ladang besar mungkin dapat berjalan terus tetapi kalau harga getah terlalu rendah ia boleh menyebabkan terhentinya perusahaan getah pekebun-pekebun kecil yang kebanyakannya tinggal di luar bandar dan dengan terhentinya pengeluaran ini beberapa ratus ribu manusia akan menganggur dan lebih ramai lagi yang hilang nafkah. Pengangguran secara besaran akan mengancam keselamatan negara ini. Pengangguran ini akan menimbulkan masalah-masalah ekonomi dan politik yang sudah tentu akan mempersukarkan usaha-usaha kerajaan hendak membentuk berbagai-bagai kaum menjadi satu bangsa berasas kepada satu negara dan satu taat setia kepada Malaysia. Kesukaran-kesukaran ini akan memberi peluang yang baik untuk digunakan oleh komunis bagi menimbulkan huru hara dan pergaduhan antara kaum.

Usaha untuk membangunkan sebuah negara, satu bangsa dan satu taat setia di Malaysia ini sangatlah rumit oleh kerana negara ini adalah sebuah negara, seperti tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, yang diduduki oleh berbagai-bagai bangsa dan agama dan yang menambahkan lagi kerumitannya ialah tidak ada satu golongan kaum pun yang mempunyai golongan yang terbanyak. Rakyat bumiputera terdiri dari kira-kira 52% daripada bilangan penduduk-penduduk semuanya. Orang-orang Cina adalah berjumlah lebih kurang 35% dan orang-orang India dan Pakistan dan lain-lain berjumlah 13%. Di Malaysia ini terdapat berbagai-bagai agama dan kebudayaan. Pada keseluruhannya semenjak 10 tahun ini semua kaum-kaum ini di samping memelihara kebudayaan dan bahasa mereka sendiri menyokong penuh Kerajaan dan dasarnya yang bertujuan melahirkan satu rupa bangsa Malaysia dari berbagai-bagai keturunan ini dan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal telah pun diterima oleh semua rakyat dan kemajuan sedang dibuat dan saya yakin pada satu hari kelak Bahasa Kebangsaan akan menjadi bahasa rasmi yang tunggal dalam erti kata yang sebenarnya.

Kejayaan yang cemerlang yang telah dicapai oleh kita adalah hasil daripada pimpinan politik yang realis Kerajaan Perikatan yang diketuai oleh Perdana Menteri, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra. Kemajuan-kemajuan yang didapati secara senyap-senyap ini sekarang sedang terancam: Kita sekarang ini diancam oleh berbagai-bagai kesulitan. Musuh-musuh kita baik dari luar mahupun dari dalam sedang menunggu hendak melihat negara ini kucar kacir supaya mereka dapat melaksanakan rancangan-rancangan masing-masing terhadap Malaysia. Antara golongan-golongan ini ialah militan komunis di dalam

dan di luar negeri. Bahaya komunis ini tidak sangat menggempar dan menakutkan kita kerana rakyat Malaysia cukup kenal dengan keganasan mereka. Kerajaan tahu dan yakin boleh menewaskan gerakan-gerakan komunis meresap ataupun gerakan-gerakan yang dilakukan terang-terang. Harmoni antara kaum dan kebebasan agama yang sekarang ini wujud di Malaysia menjadi senjata besar melawan komunis. Sungguhpun agama Islam adalah agama rasmi negara ini, tetapi agama-agama lain bebas bergerak di luar pengikut-pengikut Islam. Kerajaan bersikap adil dan membantu juga rumah-rumah ibadat bagi orang-orang lain, atau agama-agama yang tidak memerangi Islam kerana kita tahu perbuatan itu tidak salah di sisi Islam. Kerana kepercayaan ini, dan keyakinan kerajaan kepada agama yang sebarang agama adalah senjata besar untuk melawan komunis yang hendak membasmikan agama dan cara kehidupan demokratik dan taalkan Tuhan, maka itulah sebabnya kerajaan membantu agama-agama orang-orang lain selain daripada agama Islam.

Pada hari ini, pada pendapat saya puak-puak yang lebih merbahaya lagi daripada komunis adalah mereka yang digelar sebagai '*racialist*', '*chauvinist*', '*extremists*' dan '*socialist-cum-racialist*'. Anasir-anasir ini didapati di dalam masyarakat ketiga-tiga kaum di Malaysia ini. Kita sungguh bersyukur kepada Tuhan kerana kenyataan-kenyataan pelampau-pelampau yang menyalahgunakan Islam yang maha suci itu, gerakan-gerakan subversif 'pelampau' dalam Parti-parti Pembangkang bukan Melayu dan 'sosialis-sosialis palsu' yang didapati dalam sebuah parti yang mendapat ihsan dari sebuah negara asing ini dengan sendirinya '*cancel each other out*' dan kegiatan-kegiatan mereka hanya menolong menguatkan lagi kedudukan Parti Perikatan dan memberi orang-orang Malaysia dari semua bangsa yang praktikal '*sanity*' dan '*siuman*'. Dipandang sepintas lalu, anasir-anasir ini tidak membahayakan tetapi mereka bagaimanapun sedang mengancamkan ketenteraman dan harmoni antara kaum-kaum di Malaysia pada hari ini. Ini adalah kerana mereka sekarang ini sedang menggunakan kejatuhan harga getah dan kenaikan harga beras - satu masalah ekonomi - sebagai satu masalah politik dan perkauman. Gerakan-gerakan seperti ini, mujurlah tidak besar-besaran hanya terhad kepada orang-orang perseorangan dan rakyat negara ini daripada semua bangsa yang mahu dan cita-cita persahabatan dan keamanan tidak senang termakan dengan '*racun-racun perkauman*' ini. Saya bawakan perkara ini ke hadapan semata-mata kerana hendak menunjukkan kepada rakyat tentang adanya gerakan-gerakan yang seperti ini dan kita semua yang sayangkan negara ini dan mahu tinggal dan mencari rezeki dengan aman dan damai, mesti padamkan bunga-bunga api ini sebelum ia menyala. Jangan kita benarkan sekam pun ada. Inilah ancaman-ancaman yang menyukar dan membahayakan Malaysia hari ini tetapi dengan berkat Tuhan kita akan mengatasi semua-semua ini, jika semua rakyat menyokong Kerajaan yang ada pada hari ini dan pemimpin-pemimpin kaum teguh dan saling mengerti antara satu sama lain. Selagi persefahaman ini ada dan selagi Perikatan kukuh baik sangka antara pemimpin-pemimpin ini akan terus kekal.

Pada hari ini, oleh kerana majlis ini adalah berkenaan dengan Islam dan pelajar-pelajarnya, saya suka mengambil peluang untuk bercakap sedikit berkenaan dengan rintangan-rintangan dan puak-puak daripada sebahagian kecil

orang-orang Islam yang cuba menyekat dan sedang berusaha hendak menyekat kerajaan daripada memberi kemajuan dan tempat tinggal kepada Agama Islam dan satu taraf hidup yang baik bagi penganut-penganutnya, yang boleh dihormati oleh bangsa-bangsa dan agama-agama lain. Selama 10 tahun semenjak kita merdeka pemimpin-pemimpin Islam dan Menteri-menteri Islam dalam Kerajaan Perikatan dengan kerjasama ketua-ketua Cina dan India telah mentadbirkan negara ini dengan baiknya dengan menimbangkan masalah-masalah semata-mata berdasarkan kepada kenyataan dan hakikat-hakikat politik dalam negeri. Banyak perkara-perkara penting yang telah dapat diselesaikan dengan baiknya. Satu kenyataan hidup yang kita pelajari semenjak kita merdeka ialah yang satu kaum sahaja tidak boleh memerintah negara ini kalau negara ini mahu hidup aman. Kalau rakyat dari semua bangsa mahu hidup aman dalam rukun damai maka kerajaannya haruslah dipilih dari wakil-wakil yang dipercayai dari sebahagian besar penduduk negara ini.

Ada sebahagian kecil daripada orang-orang Melayu dan umat Islam di negara ini semenjak beberapa tahun yang lepas cuba hendak menyekat usaha-usaha pemimpin-pemimpin Islam dalam kerajaan yang hendak memajukan agama dan umat Islam di Malaysia ini. Pemimpin-pemimpin Islam dalam kerajaan sekarang ini, terutama sekali Perdana Menteri, Tunku, telah dan sedang berusaha bersungguh-sungguh hendak mengisikan kemerdekaan dengan memberi kemajuan-kemajuan kepada orang-orang Islam yang terbiar sekian lama di bawah penjajahan dahulu. Tujuan kita ialah untuk memberi kesejahteraan hidup dalam dunia dan akhirat, untuk memberi agama Islam, agama rasmi negara ini dan pengikut-pengikutnya satu kedudukan yang mulia supaya agama Islam dan pengikut-pengikutnya dihormati oleh penganut-penganut agama lain. Tetapi bukan hendak menolong kita menjayakan cita-cita yang baik ini bahkan mereka cuba sekuat-kuatnya pula hendak menghalangkannya melalui 'politik sempit' dan 'menyalahgunakan agama Islam yang maha suci' dengan menimbulkan perkara-perkara yang kononnya, ortodok dan yang tidak betul dan mengelirukan rakyat dan yang tidak sesuai dengan kemajuan dan perjuangan kita.

Puak-puak ini hampir 10 tahun sekarang ini telah sendiri mendapat peluang untuk melaksanakannya dasar-dasar yang kononnya, hendak mengagungkan Agama Islam; menolong orang-orang Melayu dan memerintah secara Islam, tetapi, mereka telah gagal untuk melaksanakan tujuan-tujuan yang dilaung-iaungkan itu. Apakah yang salah dengan mereka ini?

Mereka tidak jujur dengan diri mereka sendiri. Bagaimana pula mereka hendak jujur dengan Islam dan bangsa mereka itu sendiri?

Puak-puak ini terlampau sempit fikirannya, mereka tidak nampak dengan kenyataan-kenyataan; mereka tidak mahu mengaku yang melalui secara yang diamalkan oleh kerajaan sekarang ini, muslihat-muslihat dan kepentingan-kepentingan Islam dan Melayu bukan sahaja dapat dipertahankan tetapi diperluaskan lagi.

Mengikut puak ini hanya 'kerajaan Melayu untuk Melayu' atau 'Kerajaan Islam untuk Islam' sahaja yang dapat memberi orang-orang Islam kebahagiaan hidup. Mereka tidak sedarkan peranan-peranan seperti '*natural resources*', kepandaian-kepandaian, kemajuan sains dan teknologi dan '*fact-fact*' kehidupan

yang ada dan dapat dilihat di muka bumi ini. Inilah kelemahan mereka, inilah sebenar-benarnya, tragedi orang-orang ini. Mereka - tidak mahu menjadi manusia - apa yang dipanggil orang sekarang manusia yang *'practical realist'*.

Kerajaan yang ada hari ini akan terus berusaha untuk menolong orang-orang Islam dengan kerjasama orang-orang yang bukan Islam. Kerajaan Perikatan mempunyai dan memerintah rakyat yang berbilang agama, dan mereka ini ~~ta~~ setia kepada kerajaan dan orang-orang bukan Islam ini menunaikan tanggung-tanggung yang dikenakan di atas mereka dan kerana itulah kerajaan mestilah pula bersikap adil dan memberi bantuan-bantuan kepada mereka hatta bantuan untuk mereka memperbaiki rumah-rumah ibadat mereka. Dalam masa itu pun pemimpin-pemimpin Islam dalam Perikatan sentiasa sedar, apa lagi, Turku Perdana Menteri, tentang mustahaknya menyampaikan seruan Islam kepada semua golongan itu adalah satu kewajipan tetapi kita juga ada kewajipan kepada rakyat-rakyat yang bukan Islam; kita mesti berlaku adil kepada semua rakyat tidak kira agama dan keturunan.

Pada fikiran saya sebaik-baik derma yang boleh diberi oleh orang-orang Islam khasnya pemimpin-pemimpin kaum pelajar seperti tuan-tuan dan puan-puan ini, kepada saudara-saudara Islam mereka yang lain, ialah untuk sama-sama menimbulkan keinsafan yang mereka mesti berjuang mengikut kehendak zaman. Kerana terlampau ortodok, kerana terlampau dipengaruhi oleh kepercayaan-kepercayaan yang bukan-bukan, kerana tertakluk kepada masa silam dan kejahilan tentang maksud-maksud agama kita sendiri maka sebab itulah sebahagian besar umat yang mundur di dunia hari ini adalah orang-orang Islam dan sebahagian besar orang Malaysia yang miskin ialah orang-orang Melayu dan Islam.

Masa hadapan orang-orang Islam cerah bahkan cemerlang jika umat Islam dapat memerdekakan diri mereka dari zaman silam dan dari puak-puak yang kaku dan tidak toleran dan tasamoh! Pemikiran, *'attitude'*, *'perspektif'*, pandanganan pelajaran orang-orang Islam dalam serba anika mestilah sesuai dengan zaman teknologi ini jika tidak orang-orang Melayu akan terus ketinggalan, berketurun-kurun di belakang bangsa-bangsa yang telah maju dan sedang maju.

Ada negara-negara di dunia yang 40 atau 50 tahun dahulu mundur sekarang telah menjadi negara yang maju dan moden. Malaysia dan orang-orang Islam pun boleh mencapai kejayaan-kejayaan yang besar melalui *'revolusi senyap'* dengan syarat orang-orang Melayu jujur kepada diri mereka sendiri, hasil yang kita harap daripada perubahan fikiran dan insaf yang kita sekarang ini hidup di ambang kurun yang ke-21!

Saya dapati bahawa persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia ini telah mencapai beberapa kejayaan dan satu daripadanya yang dibanggai oleh PKPIM ialah kemajuan perhubungan di peringkat antarabangsa. Perhubungan PKPIM dengan badan-badan Pelajar Islam seluruh dunia terutama sekali di Tenggara Asia nampaknya baik dan sangat menggembirakan. Saya juga dengar yang program-program di dalam negeri tidak pula mendapat sambutan atau mendapat kejayaan sehebat program internasional *'relations'*nya. Sebenarnya kekuatan satu-satu badan itu adalah berakar umbi dengan program-program dalam negeri dan tidak sebaliknya, tetapi sebaik-baiknya ialah setiap rancangan-

rancangan baik di antarabangsa atau dalam negeri mesti kedua-duanya berjaya. Dengan itu saya berharap, persatuan ini akan juga memperkembangkan did dengan rancangan-rancangan dalam negeri dan menolong mengadakan perhubungan yang baik dengan masyarakat Islam dan lain-lain bangsa dan memperjuangkan bagi mengenyahkan segala rintangan yang menyekat kemajuan dan kemerdekaan orang-orang Islam di negara ini.

Saya dapati ahli-ahli gabungan Persatuan ini hanya sekadar Persatuan Penuntut-penuntut Islam di Tanah Melayu sahaja. Saya harap usaha-usaha akan dibuat supaya badan-badan penuntut-penuntut Islam di Sabah dan Sarawak juga akan bergabung dengan PKPIM dan jika di wilayah-wilayah ini belum ada lagi Persatuan-persatuan Penuntut-penuntut Islam di Pusat-pusat Pengajian Tinggi di sana, saya harap tuan-tuan akan dapat menolong menubuhkan persatuan-persatuan itu. Teguhkan diri dahulu dan setelah itu dengan sendirinya, pandangan, harapan dan perhatian Persatuan-persatuan Pelajar-pelajar Islam Internasional yang lain akan tertumpu kepada Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia.

Dengan nota itu, saya dengan sukacitanya membukakan Persidangan Pelajar-pelajar Islam Tenggara Asia pada hari ini.

Terima kasih.